

MTUN sasar graduan penuhi keperluan industri

Sinar Harian (Nasional) 26/3/23 (Alisa)

SHAH ALAM - Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) menyasarkan u n t u k menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan industri negara dan bukannya bekerja dalam sektor awam.



ABDULLAH

Penolong Naib Canselor Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Profesor Dr Abdullah Ibrahim berkata, pihaknya menawarkan tiga program ijazah sarjana muda iaitu kejuruteraan, teknologi kejuruteraan selain teknologi yang mana kebolehpasaran graduannya berjaya mendapat pekerjaan dalam industri.

"MTUN menghasilkan pelajar yang bukan hanya untuk bekerja di sektor kerajaan sebenarnya tetapi sasaran kita lebih kepada industri. Sekiranya bekerja di industri misalnya tidak ada isu tentang gaji.

"Namun di sektor kerajaan ada garis panduannya. Jika di peringkat diploma, selalunya gaji mengikut tahap diploma manakala ijazah pula ada tahap gajinya, jadi ia berbeza.

"Tetapi saya tegaskan sekali lagi, MTUN tidak sasarkan graduan kita untuk bekerja dalam sektor kerajaan tetapi matlamat kita adalah untuk memenuhi kehendak industri dan lebih kepada *skill based* (berasaskan kemahiran)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas mengenai gaji di sektor awam, Abdullah berkata, bidang kejuruteraan sememangnya mempunyai skim khas untuk penjawat awam iaitu skim jurutera.

"Bagaimanapun buat masa ini, graduan daripada bidang teknologi

kejuruteraan serta teknologi tidak mempunyai skim dalam perkhidmatan awam. Graduan daripada kedua bidang tersebut boleh bekerja dalam perkhidmatan awam tetapi dalam skim berlainan dan mereka tidak ada skim jurutera seperti mana graduan bidang kejuruteraan.

"Oleh itu, badan profesional seperti lembaga pengarah jurutera dan lembaga pengarah teknologi sedang membuat permohonan dengan kerajaan untuk membolehkan graduan daripada kedua bidang itu mempunyai skim dalam perkhidmatan awam seperti skim jurutera," jelasnya.

Tambah Abdullah, perkara tersebut masih dalam proses dan buat masa ini belum ada skim jurutera dalam perkhidmatan awam untuk pelajar lulusan teknologi kejuruteraan dan lulusan teknologi dari MTUN.

MTUN terdiri daripada empat universiti iaitu UMP, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).